

# Program Pembinaan Keupayaan OIC dilancar

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

KOTA KINABALU 23 Nov.—Malaysia mengumumkan pelan-caran fasa pertama Program Pembinaan Keupayaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang merangkumi tiga projek perintis di tiga buah negara termiskin dalam pertubuhan itu bagi membantu meningkatkan ekonomi dan merangsang sumber manusia negara-negara terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, projek-projek hasil inisiatif kerajaan Malaysia itu ialah pembinaan keupayaan dalam industri kelapa sawit di Sierra Leone, penrokaan minyak dan sumber mineral di Mauritania dan membangunkan industri perikanan di Bangladesh.

Pada masa yang sama, kata beliau, empat lagi projek sudah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam fasa kedua program itu iaitu membangunkan industri memproses dan mengeksport mangga di Guinea, pembinaan keupayaan di Comoros, projek bantuan kepada mangsa tsunami di Indonesia dan pembangunan semula Maldives selepas tsunami.

“Saya yakin projek-projek ini akan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan tenaga profesional dan teknikal di negara-negara berkenaan. Ini kerana projek tersebut direka khas untuk melahirkan tenaga pakar dalam bidang-bidang yang dirasakan bersesuaian dengan negara berkenaan,” katanya ketika menyampaikan ucap-tama pada Persidangan Pengurusan Modal Insan OIC 2006 yang bertemakan ‘Membangunkan Bakat dan Pembangunan Prestasi: Satu Loncatan Ke Hadapan’ di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Presiden Dewan Perdagangan OIC Malaysia, Datuk Raja Mohamad Abdullah dan Presiden Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia Malaysia (MIHRM), Datuk Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid.

Persidangan selama tiga hari itu yang bermula semalam bertujuan mengubah hala tuju modal insan negara OIC ke arah yang lebih dinamik selain membincangkan isu dan cabaran dalam persaingan tenaga kerja.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC berkata, Malaysia berharap usaha membantu negara-negara miskin itu akan menemui kejaya-

an dan seterusnya menjadi asas kepada kerjasama antarabangsa.

lA juga menyediakan alternatif kepada model kerjasama Uta-

ra-Selatan dan menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan di kalangan negara-negara Islam.

Perdana Menteri berkata, satu

lagi bidang yang mempunyai masa depan yang cerah untuk diterokai oleh negara-negara OIC ialah perkhidmatan kewangan Islam.